

19/05/2003

Operasi Pasir sekat ancaman keganasan

Hussain Said; Mohd Azrone Sarabatin

PORT DICKSON: Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memberi jaminan `Operasi Pasir' yang dijalankan secara bersepadu antara tentera darat, udara dan laut mampu menyekat sebarang ancaman keganasan terhadap Sabah.

Panglima Tentera Darat Jen Datuk Wira Mohd Shahrom Nordin, berkata penduduk Sabah dan pelancong asing tidak harus khuatir dengan tahap keselamatan di negeri itu.

"Sebenarnya, tiada apa yang perlu dibimbangkan kerana Sabah selamat dan aman. Ini kerana kita sering menjalankan usaha pemantauan dan operasi bagi menyekat sebarang ancaman keganasan di negeri itu.

"Ini termasuk `Operasi Pasir' yang dijalankan secara bersepadu antara tentera darat, laut dan udara yang bertujuan menyekat mana-mana kumpulan termasuk Abu Sayyaf membuat perkara tidak diingini di Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki dan Wanita di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda), di sini, kelmarin.

Rabu lalu, Washington mengeluarkan amaran kepada rakyatnya supaya berhati-hati terhadap kemungkinan serangan pengganas di beberapa negara termasuk Malaysia.

Mereka mendakwa negara ini, khususnya di Sabah lebih terdedah kepada ancaman keganasan kumpulan Abu Sayyaf dari selatan Filipina yang dikatakan mempunyai kaitan dengan al-Qaeda.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun menyifatkan amaran Amerika Syarikat itu kerana takutkan bayang sendiri akibat kezaliman yang dilakukan mereka sendiri.

Beliau berkata demikian di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum pulang ke Kuala Lumpur kelmarin selepas menamatkan lawatan dua hari di negeri itu.

Mohd Shahrom berkata, rakyat negara ini tidak perlu bimbang mengenai tahap keselamatan khususnya di Sabah kerana kawalan keselamatan di negara ini lebih baik berbanding negara lain.

"Kita sudah menempatkan semua anggota di kawasan yang dikenal pasti berisiko termasuk di pulau-pulau dan resort di Sabah. Kehadiran ramai pelancong asing ke sini membuktikan negara kita selamat," katanya.

Sementara itu di Kota Kinabalu, Panglima Satu Division Infantri, Lef Jen Datuk Mohamad Azumi Mohamad berkata, pemantauan dua hari Angkatan Tentera

Malaysia (ATM) di perairan pantai timur Sabah tidak menemui sebarang petunjuk kemungkinan pengganas menjadikan negeri ini sebagai pangkalan menyerang warga negara serta kepentingan Amerika Syarikat di rantau ini.

Katanya, keadaan negeri ini dalam keadaan aman dan stabil tanpa anasir tertentu menjadikannya pangkalan pengganas.

Bagaimanapun katanya, dalam tempoh pemantauan itu ATM menahan 14 pendatang tanpa izin dan sebuah bot nelayan dari Filipina di perairan Sandakan dan pemeriksaan dibuat mendapati mereka bukan anggota kumpulan pemisah Islam.

"Negeri ini selamat dan tidak benar ia berbahaya kepada warga negara dan kepentingan Amerika, Syarikat," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu selepas mengetuai operasi pemantauan di perairan pantai timur sepanjang dua hari lalu.